



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
diterbitkan oleh Jabatan Penerangan

E-Paper (<http://www.epaper.pelita-brunei.gov.bn>)

gov
bn

(<http://www.pelita-brunei.gov.bn>)
(<http://www.gov.bn>)

KHEU anjur pemeriksaan kesihatan bagi pegawai, kakitangan

WARGA Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa pemeriksaan kesihatan bersempena Program 'Workplace And Health' (WAH) bagi warga Perkhidmatan Awam sesi 2020-2021.

Oleh : Haniza Abdul Latif / Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (JPMC) dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) buat pertama kalinya mengadakan jerayawara (Road Show) yang mengetengahkan aktiviti sesi pemeriksaan kesihatan untuk pegawai dan kakitangan KHEU.

Pemeriksaan berkenaan diadakan selama lima hari, iaitu pada 11, 12, 13, 14 dan 16 Januari 2021 bertempat di Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU, di sini.

Aktiviti pemeriksaan kesihatan ini merupakan Program 'Workplace And Health' (WAH) bagi Warga Perkhidmatan Awam Sesi 2020-2021.

Jerayawara tersebut diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada warga pegawai dan kakitangan KHEU dengan keramaian lebih 6,000 untuk mengikuti program kesedaran kesihatan, selain sesi kursus gaya hidup sihat dengan menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam mencegah, mengesan dan menangani faktor-faktor risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit, seperti obesiti, pemakanan tidak sihat, kurang melakukan kegiatan fizikal, merokok dan isu kesihatan mental dalam konteks Tempat Kerja Sihat (Healthy Workplace), secara langsung akan menjadikannya sebagai sebahagian daripada aktiviti ke arah hidup yang lebih sihat.

Selain itu, sebagai langkah permulaan dan pemantauan, PPK juga terlibat dalam sama-sama menyokong KHEU untuk mengadakan pelbagai Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (Workplace Health Promotion WHP), antaranya ialah aktiviti senaman beramai-ramai yang akan dijadualkan nanti.

[Close \(/Lists/Berita 2018/AllBerita_2018.aspx\)](#)